

24/04/2001

'Orang agama' bukan dinilai berdasarkan penampilan

Abdul Wahab Mohamad Ali

MEMANG benar sangat kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Pas betapa ia hanya sebuah lagi parti politik yang menggunakan Islam untuk keberuntungan politik mereka.

Sungguh pun apa yang Dr Mahathir sebut ini benar, namun masih ada yang tidak menyetujuinya, khususnya mereka yang taksud dengan parti itu serta dengan kepemimpinannya.

Ketaksuban ini jika kita perhatikan, banyak disebabkan sikap umum masyarakat Melayu sendiri yang sesetengahnya suka sangat judging a book by its cover atau mentafsir baik buruk kandungan buku hanya dengan melihat kulit luarnya.

Hanya dengan melihat cara pakaian, berkopiah atau berserban, serta ucapan dan kata-kata yang sering diselitkan dengan ayat al-Quran dan hadis, mudah saja mereka jatuh hati lalu terus menganggap seseorang itu sebagai 'orang agama'.

Dengan itu, jadilah mereka sebagai pengikut atau mereka yang bersimpati dengan 'orang agama' dan parti yang diwakilinya itu.

Pada masa yang sama, sesiapa yang dilihat tidak memiliki kriteria sebegini, dijatuhi hukum sebagai 'bukan orang agama', maka tidak setanding dengan 'orang agama' yang telah dimudahtakrifkan itu.

Seolah-olah, itulah rites de passagenya. Jika bagi proses pendewasaan seorang mukmin Islam, antara rites de passagenya ialah kewajipan berkhatan, maka kriteria yang telah disebutkan tadi seperti diterima kini sebagai tambahan kepadanya.

Sedangkan, dalam kata-kata dan tingkah laku yang dikatakan datangnya daripada seorang 'orang agama', mempunyai pelbagai elemen yang turut bercanggah dengan kehendak Islam itu sendiri. Samalah, kata dulang paku serpih.

Namun kerana ketaksuban, elemen itu dikatakan wajar kerana kononnya ada konotasi agama padanya, apatah lagi ia diluahkan dan dilakukan oleh seorang yang diterima sebagai 'orang agama'.

Oleh kerana itulah, pengikut Pas khususnya atau mereka yang bersimpati dengannya serta pengkritik kerajaan amnya, tidak segan silu memberikan pelbagai gelaran menghina terhadap kepemimpinan negara. Maki hamun mereka usahlah dikira. Selain itu, apa juga yang kerajaan lakukan kononnya tidak bertepatan dengan kehendak agama, malah bercanggah dengannya.

Dr Mahathir saja, sudah berapa banyak maki hamun serta gelaran nama menghina yang diterimanya. Begitu juga dengan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atau Pak Lah.

Sungguh pun berkali-kali kita katakan, tindakan sebegini bercanggah dengan Islam, namun langsung tidak diendahkan. TV3 sendiri membuat siaran menampilkan mufti negeri sebagai menyebut ayat al-Quran dan hadis tertentu mengenai tegahan Islam mengenai perkara ini, namun seperti falls on deaf ears.

Tindakan memaki hamun serta menggelar nama ini lebih menjurus kepada character assassination agar dengan itu mewajarkan pula mereka untuk menghentam kerono apa juga usaha pembangunan, termasuk pembangunan ummah, yang dilakukan oleh kepemimpinan negara.

Sambutan kedatangan Pak Lah ke Rancangan Tanah Felda Keratong 4, Bandar Tun Razak, Rompin, 8 Mac lalu tidak terlepas daripada propaganda muak golongan seperti ini.

Kedatangan beliau serta dibawanya bersama menteri yang menganggotai

Pasukan Petugas Peringkat Menteri Untuk Meningkatkan Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan Luar Bandar, sungguh murni.

Selain daripada usahanya untuk mendapat maklumat sahih dan terus mengenai kehidupan peneroka Felda yang terjejas teruk akibat kemerosotan harga buah sawit, rupa-rupanya beliau membawa khabar gembira mengenai usaha kerajaan untuk menangani masalah yang dihadapi itu.

Namun, tidak bersyukur juga. Amat pedih rasanya apabila dimaklumkan, ada pihak mengedarkan risalah mengenai sambutan kehadiran Pak Lah itu yang menyelitkan gambar grafik dua babi padanya.

Penulis melihat risalah ini dengan rasa geram, kesal dan amat kecewa dengan orang yang membuat dan mengedarkan risalah ini. Begitu rendah sekali akhlak mereka hingga tergamak bersekongkol dengan pembikinan dan pendedaran risalah ini.

Penulis dapat rasakan perasaan yang sama pada pegawai Pak Lah sendiri, Osman Desa, ketika penulis serahkan risalah yang penulis perolehi kepadanya. Niat penulis bukan untuk mengacumnya, sekadar mengkhabarkannya.

Dalam hati kecil penulis berkata-kata, tidak mungkin Islam membenarkan kelakuan tidak berakhlak sebegini. Di manakah Islamnya mereka yang melakukan kegiatan yang tidak berakhlak ini? Tidak mungkin Islam tidak menganjurkan umatnya supaya sentiasa mempunyai akhlak yang mulia.

Dalam hal ini, penulis teringat kisah yang diceritakan oleh rakan penulis mengenai seseorang yang dipercayai warak, yang mengetuai rombongan mengerjakan umrah di Makkah. Anggota rombongan memang bergantung harap padanya sajalah, selaku ketua, demi memastikan ibadat umrah dilaksanakan dengan jayanya.

Maka diajarkannya cara mengerjakan ibadah itu termasuk bacaan doa. Apabila berziarah di Madinah, dialah yang menceritakan mengenai keagungan tempat yang diziarahi yang menandakan juga keagungan Allah.

Namun, alangkah terperanjat, sesudah kembali ke tanah air, di lapangan terbang, yang menyambutnya penuh mesra tentulah dianggap isteri tercinta. Namun diberitahunya bersungguh-sungguh kepada beberapa anggota rombongan: "girlfriend akulah".

Jadi, yang hendak ditekankan di sini ialah soal akhlak, yang seolah-olah pada sesetengah orang termasuk mereka yang mengakui ahli parti yang mempertahankan 'orang agama', bukanlah sesuatu yang penting yang perlu dipertahankan.

Dalam hal ini kita berasakan, ada benarnya juga betapa jika dibandingkan antara kita dan mereka yang kononnya 'orang agama' dan penyokong kepada parti 'orang agama', lebih baiklah lagi akhlak kita berkali-kali ganda daripada mereka.

Paling tidak pun ukurannya, kita tidak pun mengata mereka atau membuat gelaran nama buruk terhadap mereka dan pemimpin mereka, seperti mana sebaliknya yang berlaku kepada kita dan pemimpin kita.

Maka dalam hal ini juga, betul sangatlah kata-kata Dr Mahathir betapa mereka memperalatkan agama demi kepentingan mereka. Lalu soal akhlak mulia khususnya dalam soal menjaga hemah dalam tutur kata, bukanlah perkara utama yang harus lagi mereka pertahan dan perjuangkan.

